

TARIKH	SELASA, 27 SEPTEMBER 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	DAH BOLEH MULA BILA-BILA MASA
M/S	17
BIDANG	RARE EARTHS
KATA KUNCI	LANTHANIDES, PERAK

PROJEK LOMBONG NADIR LANTANID

Dah boleh mula bila-bila masa

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Lenggong

Projek rintis perlombongan nadir lantanid di Mukim Kening, Hulu Perak sudah boleh dimulakan bila-bila masa susulan ketetapan mengenainya sudah dibincang dan diluluskan di peringkat Mesyuarat Exco kerajaan negeri, minggu lalu.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad (gambar), berkata langkah seterusnya adalah membatik perbincangan antara Pejabat Tanah dan Galian

(PTG), Menteri Besar Incorporated (MB Inc) selaku pemegang pajakan melombong serta syarikat per-

lombongan berkenaan.

"Minggu lepas kita (me-

syuarat Exco) luluskan dan minggu ini kita akan luluskan minit mesyuarat itu pula. Daripada minit itu barulah tindakan berikutnya boleh diambil oleh PTG dan MB Inc.

"Di peringkat kita (kerajaan negeri) hanya luluskan berkaitan dasar saja dan PTG akan berbin-

cang perkara-perkara yang berikutan dengannya bersama MB Inc. serta syarikat terbabit.

"Sudah tiada masalah, ia (perlombongan) boleh dibuat sekarang," katanya kepada pemberita sewaktu sidang media Majlis Perasmian Hari Sungai Sedunia, Jelajah Denai, dan Sambutan Ulang Tahun ke-90 Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) peringkat Perak di Dataran Tasik Raban di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air, dan Pengangkutan Awam, Datuk Mohd Zolkafly Harun dan Timbalan Pengarah JPS negeri,

Ir Vasukey Palany Kumar.

Pada 13 September lalu, Saarani dilapor berkata, Mesyuarat Exco kerajaan negeri pada minggu berikutnya akan membincangkan kadar royalti dan beberapa ketetapan lain daripada projek rintis perlombongan nadir bumi 'lantanid' terbabit.

Katanya, kelulusan projek berkenaan bagaimanapun tidak membabitkan perbincangan mengenai kadar royalti memandangkan ia hanya akan diputuskan menerusi perbincangan antara PTG, MB Inc. dan syarikat perlombongan terbabit.

"Ini di peringkat PTG lah. Minggu lepas Exco baru lu-

lus, dan seperti biasa hasil mesyuarat itu akan menghantar minit mengenainya kepada PTG sebelum PTG yang akan menguruskan apa yang berlaku selepas daripada itu," katanya.

"Peringkat Exco, kita hanya meluluskan lesen (perlombongan) itu dan bersetuju dengan projek rintis itu, jadi selepas ini PTG akan dapat surat daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Perak dan PTG akan maklumkan kepada MB Inc. termasuk syarikat berkaitan.

"Mereka kena duduk semeja bincangkan perkara seterusnya, sebab ia adalah projek rintis," katanya.



DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM